

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]
TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan baki tunggakan bayaran balik GST setakat akhir Jun 2020 dan jumlah syarikat yang terlibat. Adakah Kerajaan mempertimbangkan pelaksanaan semula sistem GST.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan maklumat Jabatan Kastam Diraja Malaysia, tunggakan baki tuntutan bayaran balik (atau *refund*) GST sehingga 30 Jun 2020 adalah sebanyak RM5.167 billion. Jumlah registran yang terlibat adalah seramai 70,442. Walau bagaimanapun, selaras dengan pengumuman oleh Kerajaan pada 15 Jun 2020, sejumlah **RM1.479 billion** telah diluluskan untuk pembayaran bagi tempoh 22 Jun 2020 sehingga 8 Julai 2020. Baki tuntutan bayaran balik GST yang belum dibayar sehingga 8 Julai 2020 adalah sebanyak **RM4.763 billion**. Kesemua bayaran ini dijangka dibuat selewat-lewatnya sebelum akhir tahun ini.

Sekian, terima kasih.